

# Hadiah Kecemerlangan Akademik Heitech milik Mohd. Usaid



**M**uhd. Usaid Johan, 23, graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) telah dipilih sebagai pelajar cemerlang Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada Majlis Konvokesyen Ke-3 Sidang Kedua yang berlangsung pada 24 Januari 2009 yang lalu di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan.

Muhd Usaid yang berasal dari Sungai Petani itu menamatkan pengajian dengan CGPA 3.74 telah dianugerahkan Hadiah Kecemerlangan Industri Heitech pada majlis itu.

Menurut Usaid, faktor kejayaan ini adalah atas dorongan keluarga, pensyarah dan rakan-rakannya.

Beliau yang juga penerima Anugerah Dekan enam kali berturut-turut sejak semester satu bijak membahagi masa dalam akademik dan kokurikulum.

“Selain memberi tumpuan kepada akademik, saya juga aktif dalam sukan bola sepak dan ragbi,” ujarnya yang kini bekerja sebagai Jurutera Perisian di Intel Products Malaysia Sdn. Bhd. di Kulim Hi-Tech Park, Kedah.

Sementara itu, bapanya, Johan Abdullah, 51, yang merupakan bekas Pengurus Jualan Utusan di Bangi yang telah bersara melahirkan rasa syukur dengan kejayaan anak sulungnya itu.

“Saya berharap Muhd. Usaid akan terus berjaya dalam apa jua bidang yang diceburinya selepas ini,” katanya dengan gembira.

Johan berkata, beliau dan isterinya, Mashitah Osman, 50, akan terus memberi sokongan dan dorongan kepada Muhd. Usaid untuk lebih berjaya dalam kerjaya masa depannya.

